

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 JULY 2016

# Gani, Rahim nafi terlibat dalam parti baharu Dr. Mahathir

UM  
- (18/7/2016)

**KUALA LUMPUR 17 Julai** - Dua lagi tokoh yang dikaitkan dengan parti baharu bakal ditubuhkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menafikan mereka terlibat pembentukan parti tersebut.

Bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik menyifatkan senarai nama barisan kepimpinan tertinggi parti itu yang menjadi viral di media sosial sejak semalam adalah palsu.

“Perkara ini tidak perlu diulas kerana senarai berkenaan adalah palsu. Terima kasih,” katanya yang enggan mengulas lanjut menerusi aplikasi WhatsApp kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Dalam senarai barisan kepimpinan tertinggi itu, parti berkenaan dikatakan menamakan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin selaku Presiden, manakala

bekas Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal sebagai Timbalan Presiden.

Naib Presiden pula terdiri daripada bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Zaid Ibrahim, bekas Naib Presiden Pas, Datuk Husam Musa dan bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Bekas Ketua Wanita UMNO, Tan Sri Rafidah Aziz turut dinamakan sebagai Bendahari manakala bekas Naib Ketua UMNO Bahagian Batu Kawan, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan pula memegang jawatan Setiausaha Agung.

Abdul Rahim disenaraikan sebagai Ahli Majlis Tertinggi bersama-sama bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar; bekas Naib Ketua Wanita UMNO, Datuk Kamelia Ibrahim dan Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa

Malaysia (Perkasa), Datuk Ibrahim Ali.

Sehingga semalam, Abdul Wahid, Ibrahim, Rafidah dan Khairuddin telah menafikan pembabitannya mereka dan menyifatkan penyenaian nama itu sebagai karut, palsu serta mungkin dilakukan oleh pihak tertentu.

Sementara itu, Bernama melaporkan bekas Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail yang juga dinamakan sebagai Ahli Majlis Tertinggi turut menafikan penglibatannya dalam parti berkenaan.

“Pengeluaran senarai nama individu yang dikatakan terlibat dalam penubuhan parti baharu itu baru-baru ini adalah palsu dan satu pembohongan.

“Saya tidak pernah terlibat dan tidak akan terlibat dalam politik. Saya sememangnya dan akan sentiasa menjadi seorang profesional,” katanya.